

|             |                          |            |         |
|-------------|--------------------------|------------|---------|
| Headline    | KLHC, THT terus bersaing |            |         |
| MediaTitle  | Sinar Harian             |            |         |
| Date        | 14 Feb 2017              | Language   | Malay   |
| Circulation | 160,000                  | Readership | 509,000 |
| Section     | Sukan                    | Page No    | 53      |
| ArticleSize | 764 cm <sup>2</sup>      | Journalist | N/A     |
| PR Value    | RM 39,096                |            |         |



# KLHC, THT terus bersaing



Pemain KLHC dituntut terus fokus dalam usaha memastikan kejuaraan milik mereka.

KELAB Hoki Kuala Lumpur (KLHC) dan penyandang juara Pasukan Hoki Terengganu (THT) kini bersaing sengit bagi menentukan pasukan yang lebih layak menjuarai Liga Hoki Kebangsaan (TNBMHL) 2017 dengan saingan berbakat tiga perlawanan.

Musim ini lebih mencabar apabila THT berdepan pencabar seperti KLHC dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Malah, buat ketika ini, KLHC telah pun merampas kedudukan teratas liga selepas membenam SSTMI 5-1 di Stadium Hoki SSTMI kelmarin.

Kejayaan KLHC itu juga dibantu kegagalan THT meraih tiga mata apabila sekadar terikat 2-2 menentang UniKL.

KLHC kini mengumpul 29 mata berbanding THT di tangga kedua dengan 27 mata.



THT tercibir mata ketika seri menentang TNB minggu lalu sekali gus menyebabkan KLHC mudah memintas pasukan itu minggu ini.

## Momentum terbaik KLHC

Dalam aksi di Stadium SSTMI, Mohd Syamim Mohd Yusof meletakkan KLHC di depan seawal minit ke-2 hasil jaringan padang sebelum Muhammad Nur Asyraf Ishak melebarkan jaringan menjadi 2-0

minit kelapan menerusi pukulan sudut penalti.

Tonggak import Anton Poul Fritz Ebeling terus mengukuhkan kedudukan dengan gol ketiga minit ke-23 hasil jaringan padang.

Namun SSTMI merapatkan jurang menerusi Muhammad Luqman Hakim Mohd Asri m-43.

KLHC menambah dua gol lagi selepas itu menerusi Syamim serta

Muhammad Haziq Samsul masing-masing m-50 dan m-59.

## Perlawanan terakhir penentu kejuaraan

Di kertas, THT menjadi pilihan menjuarai liga musim ini walaupun KLHC dan UniKL menampilkan cabaran luar biasa musim ini.

Namun, perlawanan terakhir liga dijangka menjadi penentu apabila THT dan KLHC bakal membuat perhitungan di Stadium Hoki Kuala Lumpur.

Sedikit kesilapan selain melepaskan mata dalam perlawanan terakhir bakal memberikan padah kepada THT.

UniKL juga mempunyai peluang untuk melakar kejutan, malah pengendalinya A Arul Selvaraj percaya pemainnya mempunyai kualiti bagi merealisasikan harapan tersebut.


"Kami mempunyai perlawanan sukar minggu hadapan dan berdasarkan persembahan semasa, saya yakin mereka mampu melakukan kejutan.

"Tetapi kami tetap perlu terus fokus untuk tiga perlawanan terakhir kami yang dilihat amat sukar," katanya.



Pemain UniKL (kanan) cuba mencuri bola dari pemain THT dalam perlawanan yang berkesudahan kedua-dua pasukan seri 2-2.

UniKL idam lakar kejutan dalam saingan liga musim ini.



### KEPUTUSAN

UniKL 2 - 2 THT

UITM-KPT 1 - 6 TNB

SSTMI 1 - 5 KLHC

Maybank 4 - 1 TNB Thunderbolts

### KEDUDUKAN

|                 | P  | M | S | K  | J  |
|-----------------|----|---|---|----|----|
| KLHC            | 11 | 9 | 2 | 0  | 29 |
| THT             | 11 | 8 | 3 | 0  | 27 |
| UniKL           | 11 | 7 | 3 | 2  | 23 |
| TNB             | 11 | 6 | 3 | 2  | 21 |
| Maybank         | 11 | 4 | 1 | 6  | 13 |
| TNB Thunderbolt | 11 | 3 | 1 | 7  | 10 |
| UITM            | 11 | 0 | 1 | 10 | 1  |
| SSTMI           | 11 | 0 | 1 | 10 | 1  |

### ESOK

**THT lwn TNB Thunderbolt**  
(Std Hoki Batu Burok, 5 ptg)

**KLHC lwn TNB**  
(Std Hoki Kuala Lumpur, 6 ptg)

**UniKL lwn Maybank**  
(Std Hoki Kuala Lumpur, 8 mlm)

**UITM lwn SSTMI**  
(Std Hoki Tun Razak, 8 mlm)

